



**TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN
PROGRAM 'SINGGIT SEPOSEN' DAN PELANCARAN SLOGAN
PERBADANAN TEKNOLOGI HIJAU MELAKA**

**TARIKH: 6 APRIL 2021 (SELASA) , MASA: 3.00 PETANG
DI PEKARANGAN WISMA NEGERI
(WAKIL:YB DATUK WIRA AR. HJ. ISMAIL BIN OTHMAN)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat
Bahagia, Menggamit Dunia.

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS;

(SALUTASI DI ATAS ROSTRUM)

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya, kita dapat hadir bersama-sama pada petang ini di Majlis Perasmian Program 'Singgit Seposen' dan Pelancaran Slogan Perbadanan Teknologi Hijau Melaka.

2. Terlebih dahulu, saya mewakili YAB Datuk Seri Utama Hj Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak penganjur, khususnya kepada YBhg. Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Teknologi Hijau Melaka (PTHM), di atas jemputan untuk merasmikan program ini.

3. Saya juga ingin menyampaikan salam takzim daripada YAB Ketua Menteri Melaka, kerana tidak dapat bersama semua di majlis ini, disebabkan ketentuan lain yang telah diatur terlebih dahulu dan tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, YAB Datuk Seri mendoakan agar majlis ini berjalan lancar.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

OBJEKTIF PROGRAM 'SINGGIT SEPOSEN'

4. Saya dimaklumkan Program 'Singgit Seposen' ini merupakan program komuniti hijau membeli sisa minyak masak, sisa fabrik dan sisa elektronik (*e-waste*) dengan konsep pandu lalu (*scan, drop, pay*). Justeru, tahniah dan syabas diucapkan kepada Perbadanan Teknologi Hijau Melaka kerana telah menganjurkan program ini bagi memupuk dan membudayakan amalan kitar semula dalam kalangan masyarakat khususnya kepada rakyat Negeri Melaka.

5. Untuk makluman semua, Konsep Kitar Semula 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*) bukan sahaja diterapkan kepada golongan dewasa, bahkan di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Konsep ini membantu bagi mengelakkan pembaziran sumber-sumber alam semula jadi. Melalui Program 'Singgit Seposen' ini, bukan sahaja dapat mempromosi pelaksanaan amalan hijau di Negeri Melaka, malah dapat memberi pendapatan sampingan kepada masyarakat.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

TEKNOLOGI HIJAU

6. Peranan Perbadanan Teknologi Hijau Melaka (PTHM) bukan sahaja untuk membangunkan pembangunan industri teknologi hijau malah berperanan untuk meningkatkan pembudayaan amalan hijau di segenap lapisan masyarakat, supaya Negeri Melaka akan terus menjadi contoh kepada negeri lain di negara ini.

7. Dalam konteks ini, fungsi dan tugas PTHM sangat penting dengan visi yang dibawa oleh Kerajaan Negeri iaitu Menuju Negeri Lestari dan misi yang berasaskan **T.E.R.A.S** iaitu **Teknologi**, Entrepreneurship, Revolusi Industri dan Ekonomi, Antarabangsa dan Sejahtera.

8. Bagi membangunkan pembudayaan hijau di peringkat akar umbi, saya difahamkan, pelbagai program dan aktiviti yang sedang dan telah dilaksanakan di bawah PTHM seperti Projek *District Cooling System* (DCS), Anugerah Hijau Melaka dan sebagainya.

9. Selain itu, PTHM juga sedang melaksanakan Program *Eco – School Melaka* bagi menggalakkan sekolah-sekolah mengambil pendekatan holistik dalam menangani isu-isu pengurusan dan memulihara alam sekitar. Sehingga kini, sebanyak 131 daripada 315 buah sekolah rendah dan menengah di Melaka telah menyertai program ini.

10. Oleh yang demikian, saya memohon agar Jabatan Pendidikan Negeri Melaka dan semua sekolah dapat memberi kerjasama kepada Perbadanan Teknologi Hijau Melaka (PTHM) untuk menyertai Program *Eco-School Melaka*.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

11. Antara inisiatif yang giat dilaksanakan oleh PTHM kini adalah Penerokaan Sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB). Tenaga Boleh Baharu merupakan tenaga yang dihasilkan daripada sumber semula jadi seperti Tenaga Solar, Tenaga Angin, Tenaga Hidro dan Tenaga Biojisim. Negeri Melaka telah membangunkan 4 buah Ladang Solar, iaitu di Rembia, 5MW, Bandar Hijau Hang Tuah Jaya, 8MW, Bemban, 50MW dan terkini di Masjid Tanah dengan kapasiti 6.8MW.

12. MENERUSI Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya (PSMJ 2035) di bawah Flagship Melaka Digital, Quick Win Smart Melaka – Smart Energy, Kerajaan Negeri Melaka menyasarkan penghasilan 300MW Sumber Tenaga Boleh Baharu menjelang tahun 2025. Sehingga kini, kapasiti Tenaga Boleh Baharu di Melaka adalah sebanyak 166.21MW.
13. Oleh yang demikian, bagi mencapai sasaran penghasilan Tenaga Boleh Baharu menjelang tahun 2025, Perbadanan Teknologi Hijau Melaka telah diberi mandat dan hak eksklusif oleh Kerajaan Negeri Melaka untuk pelaksanaan pemasangan solar di bumbung-bumbung bangunan Kerajaan yang sedia ada di seluruh Negeri Melaka.

14. Inisiatif ini bukan sahaja dapat membantu Negeri Melaka dalam meningkatkan kapasiti Tenaga Boleh Baharu malah turut memberi manfaat jangka panjang kepada pemilik bangunan bagi penjimatan bil elektrik.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

KESIMPULAN

15. Perbadanan Teknologi Hijau Melaka (PTHM) juga telah memperkenalkan Garis Panduan Meterai Hijau Melaka. Garis panduan ini mengandungi pendekatan

pelan perancangan holistik dan mempunyai ciri-ciri asas kepada pembinaan sesebuah bangunan hijau.

16. Justeru, saya memohon semua bangunan baharu yang dibina di Negeri Melaka perlu mematuhi Garis Panduan Meterai Hijau Melaka ini. Pihak Berkuasa Tempatan dimohon untuk melibatkan Perbadanan Teknologi Hijau Melaka sebagai ahli jawatankuasa *One Stop Center* (OSC) supaya semua pembangunan baharu yang dibina menerapkan elemen bangunan hijau secara holistik.

17. Saya berharap PTHM dapat terus mempromosi inisiatif dan amalan gaya hidup hijau ini kepada seluruh lapisan masyarakat di Negeri Melaka, sama ada di bandar mahupun luar bandar untuk sama-sama menjayakan visi Menuju Negeri Lestari ini.

18. Oleh itu, program ‘Singgit Seposen’ ini akan diperluaskan ke taman-taman dan kampung-kampung di seluruh Negeri Melaka bagi memudahkan masyarakat setempat untuk menjual barangan terpakai. Saya memohon kerjasama yang erat antara Perbadanan Teknologi Hijau Melaka dengan JAPERUN dan Jawatankuasa Pembangunan & Keselamatan Kampung (JPKK) dapat dijalinkan bagi menjayakan program ini.

19. Akhir kata, dengan lafaz kalimah suci, Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan program ‘Singgit Seposen’ dan melancarkan slogan Perbadanan Teknologi Hijau Melaka ‘*It’s Easy Going Green*’.

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

